

15 FEB 2003

Ghani-Setinggalan

JOHOR BERUSAHA HAPUSKAN KAWASAN SETINGGAN PADA 2005

JOHOR BAHRU, 15 Feb (Bernama) -- Johor berusaha menghapuskan semua penempatan setinggalan di negeri ini apabila kira-kira 13,000 setinggalan yang ada ditawarkan penempatan baru di projek-projek rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam tempoh tiga tahun ini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata sebanyak 200,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dirancang dibina dalam tempoh lima tahun akan datang dan 35,000 unit yang sedang dalam pembinaan dijangka siap pada 2004.

"Ini dapat dilaksanakan kerana Johor mempunyai dasar mewajibkan para pemaju membina 40 peratus rumah kos rendah yang berharga RM35,000 dan sederhana rendah berharga RM50,000 daripada jumlah unit rumah yang mereka bina di sesuatu projek perumahan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam, bahawa beliau berhasrat melihat semua penempatan setinggalan di negara ini dihapuskan supaya mereka juga dapat hidup selesa sama seperti orang lain.

Abdul Ghani berkata yang penting dalam usaha itu ialah penduduk setinggalan, yang dianggar 10,000 orang bertumpu di bandaraya pada masa ini, tidak terlalu memilih untuk terus tinggal di pusat bandaraya tetapi mestilah sanggup berpindah ke kawasan luar atau pinggir Johor Baharu.

Menteri Besar berkata kerajaan negeri juga sudah mengambil langkah mengurniakan tanah kepada setinggalan yang sudah lama mendudukinya jika didapati kawasan itu teratur dan mempunyai semua kemudahan asas, yang sekali gus mengeluarkan mereka daripada status setinggalan.

Katanya, kerajaan negeri juga akan memastikan semua kawasan setinggalan yang penduduknya sudah dipindahkan ke rumah-rumah kos rendah tidak diambil alih oleh pendaatang, sama ada yang masuk tanpa izin atau yang masuk secara sah.

"Pihak Berkuasa Tempatan akan memastikan selepas penduduk tempatan dipindahkan, kawasan setinggalan itu tidak pula dimasuki oleh golongan itu," katanya.

Abdul Ghani bagaimanapun menjangkakan tidak semua 165,000 unit baki rumah kos rendah dan sederhana rendah itu akan dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana para pemaju pada masa ini menghadapi masalah kekurangan permintaan bagi rumah jenis lain.

"Ini dijangkakan kerana para pemaju lazimnya berharap untuk membuat subsidi silang daripada penjualan rumah jenis lain bagi membiayai sebahagian kos pembinaan rumah kos rendah," katanya.

Sementara itu, ketika mengulas masalah yang dihadapi para peneroka Felda Cahaya Baru dekat Pasir Gudang, beliau berkata projek pembangunan bercampur melibatkan kawasan perumahan, industri dan perniagaan itu terbengkalai kerana syarikat pemaju terlibat sudah bertindak melampaui peraturan.

"Untuk memajukan kawasan Felda, kawasan rizab Melayu, perlu kelulusan terlebih dulu daripada kerajaan pusat dan kerajaan negeri berkaitan tukar syarat kegunaan tanah," katanya, yang menambah proses itu bukan mudah kerana kawasan rizab Melayu yang ditukar syarat perlu digantikan dahulu.

Abdul Ghani berkata walaupun tanah Felda itu sudah menjadi hak milik para peneroka selepas selesai bayarannya tetapi tukar syarat dan pembangunannya masih tertakluk kepada peraturan yang ada.

Beliau berharap masalah itu dapat diselesaikan dan projek itu dapat dilaksanakan kerana kerajaan negeri sedar bahawa tanah milik para peneroka itu sudah dijadikan cagaran pinjaman bank oleh syarikat pemaju, yang juga perlu membayar balik pinjaman itu.

-- BERNAMA
MNY MNY RHM